

26/12/1999

NGO sambut baik kod etika menteri

Raihanah Abdullah; Sariha Mohd Ali

KUALA LUMPUR: Badan bukan kerajaan (NGO) dan kesatuan sekerja menyambut baik arahan Perdana Menteri supaya menteri Kabinet menunjukkan kepemimpinan melalui teladan, melaksanakan tanggungjawab secara bersama, amanah, jujur dan berkesan melalui etika kerja ditetapkan.

Arahan itu dikeluarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada semua menteri pada mesyuarat pertama Kabinet pada 15 Disember lalu dan ia adalah antara kandungan 13 muka surat berkaitan tanggungjawab menteri dan 14 halaman membabitkan etika yang perlu mereka patuhi.

Antara lain, menteri tidak boleh mempunyai kepentingan dalam perniagaan milik keluarganya, memegang jawatan dalam perniagaan, terbabit dalam perbincangan membabitkan keluarga masing-masing dan mesti memaklumkan dan keluar dari mesyuarat jika ada perbincangan yang ada hubung kait dengan keluarga mereka.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak, berkata kod etika itu dapat memastikan semua menteri Kabinet tidak lagi terbabit dalam bidang perniagaan dan perkara yang mempunyai kaitan dengan keluarga mereka.

"Saya harap semua menteri dapat menerima arahan itu dengan fikiran terbuka dan mengamalkannya sebagaimana disarankan oleh Perdana Menteri," katanya yang menyokong penuh arahan yang dikeluarkan itu.

Menurutnya, kod etika itu juga sekali gus membuktikan kerajaan lebih telus dan bersikap adil.

Mengenai usaha kerajaan menganjurkan ceramah dan pertemuan dengan kakitangan kerajaan untuk memupuk kesetiaan golongan terbabit kepada negara, beliau berkata, langkah itu dapat membantu kakitangan terbabit meluahkan masalah yang terpaksa ditanggung.

"Jika sebelum ini, kakitangan kerajaan agak sukar untuk menyatakan masalah mereka kepada kerajaan, melalui usaha itu, saya yakin ketidakpuasan yang dialami dapat diketengahkan," katanya.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), N Siva Subramaniam, berkata etika kerja seumpama itu wajar dilaksanakan pada semua peringkat, termasuk oleh ketua jabatan di setiap sektor kerajaan.

Beliau berkata, kod etika itu dapat membuktikan ketelusan kerajaan dan ia sepatutnya turut diamalkan pada semua peringkat pada masa akan datang.

"Etika kerja itu amat penting dan baik untuk membangunkan sesebuah negara. Langkah Perdana Menteri mengeluarkan arahan seumpama itu memang kena pada masanya," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Justeru, beliau berharap menteri Kabinet akan mematuhi etika kerja itu dan melaksanakan tanggungjawab mereka sebagaimana terkandung di dalam arahan berkenaan.

Beliau turut mengalu-alukan usaha kerajaan menganjurkan pertemuan dan ceramah kepada semua kakitangannya sebagai usaha mengukuhkan lagi kesetiaan golongan terbabit kepada negara.

"Idea itu amat baik untuk membolehkan kakitangan kerajaan mendapat gambaran sebenar jika ada sebarang perkara berbangkit atau masalah yang timbul," katanya.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, berkata kerajaan perlu memantau atau mengawasi sama ada menteri Kabinet mematuhi setiap arahan ditetapkan melalui etika kerja itu.

"Penilaian semula juga perlu dilakukan pada separuh penggal atau setiap

dua tahun untuk memastikan arahan itu dilaksanakan dengan baik oleh semua menteri.

"Melalui penilaian semula itu kelak, rakyat dapat melihat dan mengetahui sejauh mana ia dipatuhi menteri dan ini juga sekali gus dapat membuktikan ketegasan kerajaan," katanya.

Bagaimanapun, beliau yakin, menteri Kabinet akan mematuhi kod etika itu demi kepentingan rakyat dan negara.

Sehubungan itu, beliau berharap supaya etika kerja itu diamalkan secara bersungguh-sungguh dan dipandang berat oleh setiap menteri Kabinet.

Beliau turut memuji usaha mengadakan pertemuan dan ceramah kepada setiap kakitangan kerajaan sebagai usaha memupuk semangat kebangsaan di kalangan golongan terbabit.

"Kerajaan seharusnya melipatgandakan usaha memberi penerangan dan gambaran sebenar kepada rakyat. Usaha besar-besaran itu dapat memulihkan semangat kebangsaan di kalangan kakitangan kerajaan," katanya.

Di KUANTAN, Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata arahan kod etika kerja menteri penting untuk menjelaskan had tertentu yang boleh dilakukan menteri.

Sebagai contoh, katanya, menteri tidak boleh terbabit secara aktif dalam perniagaan dan mereka yang menjadi ahli perniagaan perlu menimbangkan semula pembabitan dalam bidang itu.

"Kod etika menteri yang dibuat Dr Mahathir dan diluluskan Kabinet memang wajar dikeluarkan untuk dijadikan panduan menteri ketika menjalankan tugas.

"Menerusi kod etika itu, kita tahu apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

(END)